

INISIATIF MELAHIRKAN AHLI SAINS TEMPATAN

Oleh NOOR MOHAMAD SHAKIL HAMEED

LANGKAH kerajaan yang bersedia untuk menimbang pemberian potongan dan pelepasan cukai kepada ibu bapa sebagai insentif tambahan bagi mendorong anak-anak mereka belajar dalam aliran sains wajar disambut baik oleh semua pihak. Malah, menurut Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, pelajar yang memilih aliran sains juga akan dicadangkan untuk diberikan pelbagai keistimewaan lain, seperti pemberian biasiswa atau dermasiswa sebagai motivasi tambahan. Tambah beliau lagi, langkah ini adalah sebagai inisiatif kerajaan untuk meningkatkan jumlah pelajar sains yang dilaporkan masih rendah dan jauh daripada sasaran. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dilaporkan bercadang untuk meningkatkan jumlah komposisi pelajar dalam aliran sains kepada 60 peratus. Diharapkan dalam tempoh empat atau lima tahun yang akan datang lebih banyak pelajar tingkatan empat dan lima memilih bidang sains sebagai pilihan utama mereka. Kementerian juga menjangkakan melalui inisiatif baharu seperti ini,

bilangan pelajar aliran sains boleh ditingkatkan sekurang-kurangnya 10 peratus daripada bilangan yang sedia ada. Untuk rekod, hanya 20 peratus daripada 472 541 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun ini terdiri daripada calon aliran sains. Statistik ini pastinya membimbangkan semua pihak.

Menurut Muhyiddin lagi, kemerosotan jumlah pelajar yang mengambil mata pelajaran Sains sepatutnya tidak berlaku kerana dasar pengambilannya yang telah ditetapkan ialah 60 peratus untuk aliran sains dan teknikal serta 40 peratus untuk aliran sastera atau ringkasnya mengikut nisbah 60:40.

Namun begitu, kajian oleh jawatankuasa kumpulan pakar yang dianggotai oleh pakar terdiri daripada wakil universiti dan ahli akademik mendapati dan mengesahkan bahawa sememangnya berlaku kemerosotan dalam bilangan pelajar yang mengikuti aliran sains di negara kita.

Kajian juga mendapati antara punca dan sebab kemerosotan ini ialah kerana masalah tenaga pengajar, tiada dorongan atau perhatian daripada

ibu bapa dan masalah berkaitan kemudahan seperti makmal yang tidak lengkap serta bilik darjah yang tidak dapat menampung bilangan pelajar yang besar. Pendedahan laporan jawatankuasa ini cukup menarik dan amat signifikan untuk diteliti dan diberi perhatian serius oleh semua pihak yang terlibat, iaitu pihak kementerian, sekolah, guru dan juga ibu bapa. Kita percaya bilangan guru yang ada masih mencukupi, malah boleh ditambah dari semasa ke semasa mengikut keperluan melalui pelbagai institusi latihan perguruan sedia ada. Namun begitu, isu utama yang timbul ialah kaedah pengajaran di bilik darjah. Seperti yang dilaporkan kaedah pengajaran sekarang lebih menitikberatkan aspek teori yang jelas boleh menjadi batu penghalang untuk menarik minat pelajar mendekati mata pelajaran sains.

Kita perlu sedar bahawa zaman sudah berubah. Teknologi juga semakin canggih. Malah, kita perlu menerima hakikat bahawa pelajar sekolah zaman sekarang jauh lebih ke hadapan daripada guru dalam aspek pengetahuan teknologi. Oleh


itu, memang wajar pihak kementerian melihat dan menyemak semula kurikulum mata pelajaran Sains secara menyeluruh dan komprehensif agar dapat diberikan nafas baharu supaya elemen amali diberikan tumpuan dan penekanan yang lebih.

Di samping itu, para guru juga sentiasa perlu diberi latihan tambahan dari semasa ke semasa bukan sahaja mereka dapat mengemaskini dan melengkapkan diri masing-masing dengan perkembangan sains dan teknologi terkini tetapi juga dapat mempelbagaikan corak dan kaedah pengajaran di bilik darjah agar lebih kreatif dan inovatif.

Jika hal ini dapat direalisasikan, kita mampu menarik minat lebih ramai lagi pelajar untuk memasuki aliran sains. Ringkasnya, pelajar sekarang perlu "dipujuk" mengikut rentak dan cita rasa mereka sendiri supaya tertarik untuk memasuki aliran sains dan bukannya dipaksa untuk memilih bidang sains. Dalam hal ini, kaedah pengajaran secara tradisional dan konvensional tidak lagi relevan dalam zaman sains dan teknologi yang berkembang pesat mutakhir ini.

Dalam pada itu, usaha memupuk minat terhadap bidang sains pastinya akan gagal andai para ibu bapa tidak memainkan peranan yang diharapkan. Ibu bapa wajar mendorong pelajar untuk mendekati bidang sains sejak kecil lagi. Ketakutan mahupun fobia terhadap sains perlu dielakkan. Pelbagai usaha boleh dilakukan untuk tujuan pendedahan serta untuk menarik minat pelajar seperti pembelian banyak buku dan majalah sains, lawatan ke tempat mahupun pameran sains dengan kerap serta mendidik dan menerapkan kepentingan dan kelebihan bidang sains supaya mereka lebih peka, celik dan seterusnya berminat untuk menceburi bidang sains.

Oleh itu, kita berharap agar langkah bijak kementerian yang mahu mencadangkan pemberian potongan cukai kepada ibu bapa wajar diuji dan diharapkan langkah ini akan menyuntik semangat ibu bapa untuk memupuk minat terhadap bidang sains dalam kalangan pelajar. Ibu



Kemudahan makmal disekolah perlu dinaik taraf untuk memudahkan pembelajaran mata pelajaran sains.

bapa perlu memanfaatkan ruang dan peluang yang disediakan oleh kerajaan sebaik mungkin.

Pada masa yang sama kita juga berharap agar isu kemudahan dan prasarana yang dibangkitkan seperti kemudahan makmal yang tidak lengkap serta keadaan bilik darjah yang tidak dapat menampung pertambahan bilangan pelajar sains wajar diberikan perhatian serius oleh pihak kementerian dan juga sekolah. Hal ini dikatakan demikian kerana prasarana merupakan perkara

asas yang perlu ada dan wajib disediakan andai kita mahu menarik lebih ramai lagi pelajar memilih bidang sains sebagai pilihan utama mereka. Diharapkan sebahagian besar daripada peruntukan dalam Belanjawan 2013 boleh diguna pakai untuk tujuan menaik taraf makmal serta kemudahan pengajaran yang lain agar pengajaran mata pelajaran Sains terutamanya amali dilaksanakan dengan baik. Pihak sekolah juga wajar memikirkan kaedah terbaik untuk meningkatkan bilangan bilik darjah


bagi aliran sains. Hal sebegini secara relatifnya mengurangkan bilangan bilik darjah aliran lain mengikut nisbah 60:40 yang telah ditetapkan itu agar tidak timbul masalah ketidakcukupan peluang serta bilik darjah bagi menampung peningkatan bilangan pelajar yang berminat memasuki aliran sains. Diharapkan kekangan prasarana seperti ini tidak menjadi batu penghalang dalam kita berusaha untuk meningkatkan bilangan pelajar sains.

Hakikatnya semua pihak perlu sedar bahawa negara memerlukan


pakar sains dan teknologi dari pelbagai bidang bagi terus memacu impian untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi. Kita bukan sahaja mahu maju dengan cara dan acuan kita sendiri tetapi kita juga mahu maju dengan hasil kerja anak tempatan. Sampai bilakah kita mahu bergantung harap kepada tenaga dan kepakaran dari luar. Oleh itu, diharapkan kerajaan terutamanya pihak kementerian akan meneliti secara terperinci kesemua 15 cadangan yang telah dikemukakan oleh jawatankuasa kerja terbabit dan

seterusnya melaksanakan inisiatif yang difikirkan sesuai demi mencapai hasrat untuk meningkatkan lagi jumlah pelajar sains di negara kita. Kita percaya hal ini dapat membantu melahirkan lebih banyak lagi ahli sains yang berjaya dalam kalangan anak tempatan. Semoga inisiatif baharu ini akan merintis jalan ke arah impian terbabit. **es**

Diharapkan sebahagian besar daripada peruntukan dalam Belanjawan 2013 boleh diguna pakai untuk tujuan menaik taraf makmal serta kemudahan pengajaran yang lain agar pengajaran mata pelajaran Sains terutamanya amali dilaksanakan dengan baik.



Guru juga perlu kreatif semasa pengajaran di bilik darjah.



Prasarana di sekolah turut menarik minat pelajar untuk mengambil jurusan sains.